

SEBELUM MEMBELI PAS SARINGAN KESIHATAN

1. Bagaimanakah saya boleh membeli Pas Saringan Kesihatan (HSP)?

Terdapat 2 cara untuk membeli Pas:

- Beli Kit Permulaan BodyKey dan layak untuk PWP 2x Pas Saringan Kesihatan (HSP) untuk pra dan pasca saringan kesihatan (HSP1 & HSP2)
- Beli Pek Permulaan BodyKey (Edisi Set Semula Usus) dan layak untuk PWP 1x Pas Saringan Kesihatan (HSP1)

Mekanik, harga dan tempoh promosi adalah tertakluk kepada perubahan.

2. Apakah perbezaan antara HSP1 dan HSP2?

HSP1 adalah untuk Pra Saringan Kesihatan manakala HSP2 adalah untuk Pasca Saringan Kesihatan. HSP1 dan HSP2 mesti digunakan oleh orang yang sama.

3. Adakah saya perlu membeli set BodyKey untuk membeli Pas Saringan Kesihatan (HSP)?

Ya, anda perlu membeli Kit Permulaan BodyKey untuk PWP 2x Pas Saringan Kesihatan (HSP1 & HSP2). Anda juga boleh membeli Pek Permulaan BodyKey (Edisi Set Semula Usus) untuk PWP 1x Pas Saringan Kesihatan (HSP1 sahaja).

4. Bolehkah saya membeli Pas Saringan Kesihatan (HSP) untuk pesanan 'volume down'?

Ya, HSP boleh dibeli untuk pesanan 'volume down' kepada ABO/APC bawahan sahaja. Nama pada pas secara automatik akan menunjukkan nama Pemilikan ABO bagi pesanan 'volume down'. Dalam hal Pemilikan ABO Suami & Isteri, kedua-dua nama suami dan isteri akan ditunjukkan tetapi hanya 1 orang boleh menggunakan pas. Hanya ABO/APC 'volume down' akan dapat melihat HSP dalam sistem MyHSP.

5. Jika saya PWP 2x Pas Saringan Kesihatan (HSP) dengan Kit Permulaan BodyKey, bolehkah saya menggunakan Pas Pertama dan memberikan Pas Ke-2 kepada pasangan saya?

Tidak. Jika anda PWP 2x Pas Saringan Kesihatan, kedua-dua Pas itu mesti digunakan oleh orang yang sama. Anda perlu membeli Kit Permulaan yang lain untuk PWP 2x Pas untuk pasangan anda.

6. Bagaimanakah saya boleh menyemak Terma & Syarat Pas?

Anda boleh menyemak Terma dan Syarat HSP di www.amway.my/guthealth > Tatal ke bawah bahagian Sumber > Baca T&S.

7. Apakah ujian yang termasuk dalam Pas Saringan Kesihatan (HSP)?

Terdapat 65 ujian yang diliputi oleh HSP. Ia termasuk Gambaran Darah Lengkap, Ujian Fungsi Buah Pinggang, Ujian Fungsi Hati, Analisis Air Kencing/FEME Air Kencing, Hemoglobin A1C (HbA1C), Gula Darah Berpuasa (FBS), Panel Lipid Berpuasa (FLP), Analisis Komposisi Badan (BMI), Tekanan Darah dan Rundingan Doktor Secara Maya. [Klik di sini](#) untuk senarai penuh.

SEBELUM MEMBELI PAS SARINGAN KESIHATAN

8. Bolehkah saya mendapat bayaran balik bagi Pas Saringan Kesehatan (HSP)?

HSP hanya boleh dibayar balik dalam senario berikut. Sila ambil maklum bahawa bayaran balik untuk HSP TIDAK TERSEDIA dalam talian; ia hanya tersedia di Kedai Amway.

Senario	Bayaran Balik Tersedia
HSP (HSP1 / HSP1 & HSP2) saya masih belum lagi ditebus dan belum tamat tempoh.	YA
Saya ingin memulangkan Set BodyKey saya untuk bayaran balik. Adakah saya akan dibayar balik untuk PWP HSP juga?	YA
Saya membeli 2x Pas Saringan Kesehatan tetapi inginkan bayaran balik untuk HSP2 sahaja.	TIDAK. HSP1 dan 2 mesti dibayar balik bersama-sama. Kedua-dua pas mestilah belum ditebus dan belum tamat tempoh.
HSP1 saya telah ditebus tetapi HSP2 belum ditebus.	TIDAK. Kedua-dua pas mestilah belum ditebus dan belum tamat tempoh.
HSP1 saya telah tamat tempoh tetapi HSP2 belum tamat tempoh. Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik untuk HSP2?	TIDAK. Kedua-dua pas mestilah belum ditebus dan belum tamat tempoh.
HSP1 saya belum lagi ditebus tetapi ia telah tamat tempoh.	TIDAK. Kedua-dua pas mestilah belum ditebus dan belum tamat tempoh.

Sebarang bayaran balik HSP akan terpakai secara automatik kepada HSP1 & HSP2.

SELEPAS MEMBELI PAS SARINGAN KESIHATAN

- Di manakan saya perlu log masuk untuk melihat Pas Saringan Kesehatan (HSP) dan butirannya?**
Anda boleh menggunakan mana-mana kaedah di bawah untuk mengakses HSP anda:
 - Pergi ke Amway.my > Log masuk > Sejarah Pesanan > Klik Butang “Pas Saringan Kesehatan”.
 - Pergi ke Amway.my > Log masuk > Sejarah Pesanan > Butiran Pesanan > Klik Butang “Pas Saringan Kesehatan”.
 - Semak peti masuk e-mel anda untuk e-mel bertajuk “Selamat Datang ke Program Set Semula Usus BodyKey” > Muat turun lampiran atau klik pada pautan untuk mengakses sistem MyHSP.
 - Nantikan SMS daripada Amway dengan pautan ke sistem MyHSP > Klik pada pautan untuk melihat pas anda.
 - Lawati www.amway.my/guthealth > Tatal ke bawah Bahagian Panduan Set Semula Usus BodyKey > Klik pada pautan untuk mengakses sistem MyHSP.
- Berapa lamakah tempoh sah Pas Saringan Kesehatan (HSP)?**
HSP1 sah selama 90 hari, bermula dari tarikh pembelian.
HSP2 akan diaktifkan 60 hari dari tarikh pembelian dan akan sah selama 90 hari.

Contoh 1: Jika anda hanya membeli HSP1 pada 1 April 2023.

	Dibeli	Diaktifkan	Tempoh Sah	Hari terakhir guna	Tarikh Tamat Tempoh
HSP1	1 Apr 2023	1 Apr 2023 (1 jam selepas beli)	90 hari	29 Jun 2023	30 Jun 2023

Contoh 2: Jika anda membeli HSP1 & 2 pada 1 April 2023.

	Dibeli	Diaktifkan	Tempoh Sah	Hari terakhir guna	Tarikh Tamat Tempoh
HSP1	1 Apr 2023	1 Apr 2023 (1 jam selepas beli)	90 hari	29 Jun 2023	30 Jun 2023
HSP2	1 Apr 2023 (dibeli bersama dengan HSP1)	30 Mei 2023 (60 hari dari tarikh pembelian)	90 hari	27 Ogos 2023	28 Ogos 2023

SELEPAS MEMBELI PAS SARINGAN KESIHATAN

3. Berapa cepatkah Pas Saringan Kesehatan (HSP) akan ditunjukkan dalam sistem selepas pembelian?

HSP akan kelihatan dengan serta-merta dalam sistem MyHSP dengan status, 'Belum Selesai'. Selepas 1 jam, jika tiada pembatalan, status HSP akan berubah menjadi "Baharu" dan kemudiannya sedia untuk digunakan.

4. Bolehkah tempoh sah Pas Saringan Kesehatan (HSP) dilanjutkan jika hampir tamat tempoh?

Tidak, tempoh sah HSP tidak akan dilanjutkan. Tempoh sah selama 90 hari adalah tempoh masa yang munasabah untuk menjalani Saringan Kesehatan sebelum memulakan Program Set Semula Usus BodyKey. Tetapi jangan bimbang, anda akan menerima 2 peringatan:

- E-mel peringatan akan dihantar 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh Pas.
- SMS Peringatan akan dihantar 14 hari sebelum tarikh tamat tempoh Pas.

5. Pas Saringan Kesehatan (HSP) saya mempunyai kedua-dua nama suami dan isteri. Bolehkah 2 orang menjalani penilaian tersebut?

Tidak, 2 orang tidak boleh menjalani penilaian tersebut. Satu HSP sah untuk 1 orang sahaja. Suami dan isteri dengan Pemilikan ABO yang sama mesti membeli pas berasingan; iaitu

BELI 2x Kit Permulaan BK	PWP 4x HSP	HSP1 & HSP2 untuk suami HSP1 & HSP2 untuk isteri
ATAU		
BELI 2x Pek Permulaan BK (Edisi Set Semula Usus)	PWP 2x HSP	HSP1 untuk suami HSP1 untuk isteri

6. Jika saya membeli HSP1 dan HSP2, bolehkah HSP2 digunakan oleh orang yang berbeza?

Tidak, HSP1 & HSP2 mesti digunakan oleh orang yang sama bagi membantu mereka menjejaki parameter metabolik dan kemajuan mereka. Selain itu, tarikh pengaktifan HSP2 adalah berbeza daripada HSP1, ia akan hanya diaktifkan 60 hari selepas pembelian.

7. Apakah kegunaan HSP2?

HSP2 ialah pas pasca saringan kesehatan dan hanya terpakai kepada mereka yang membeli Kit Permulaan BodyKey. Bersama-sama HSP1 (pra saringan kesehatan), ia akan memberikan perbandingan sebelum dan selepas parameter metabolik anda (gula darah, kolesterol darah, tekanan darah, dsb.) bagi membantu anda menjejaki kemajuan anda selepas menjalani Program Set Semula Usus BodyKey.

8. Saya membeli PWP Pas Saringan Kesehatan (HSP), tetapi saya tidak menerima sebarang e-mel atau SMS. Apakah yang harus saya lakukan?

Anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan Amway di salah satu saluran berikut:

- Laman web: <https://www.amway.my/contactus>
- E-mel: myhelpdesk@amway.com
- Talian Penting Khidmat Pelanggan: 03-79462800
- Sembang: Tanya chatbot ADA kami di Amway.my

BERSIAP SEDIA UNTUK SARINGAN KESIHATAN ANDA DENGAN INNOQUEST

1. Apa itu Innoquest? Apa itu Hive by Biomark?

Innoquest Pathology, dahulunya dikenali sebagai Gribbles Pathology, merupakan salah satu penyedia perkhidmatan makmal diagnostik swasta yang terbesar di Malaysia. Mereka menyediakan pengujian diagnostik pelbagai disiplin kepada lebih 10,000 pengamal perubatan, hospital dan klien korporat. Selain Innoquest Labs, syarikat tersebut juga termasuk makmal Clinipath dan Quantum berada di bawah payung pengurusan yang sama. Innoquest Pathology diperakui oleh College of American Pathology (CAP) dan juga diperakui MS ISO15189 oleh Standards Malaysia.

Hive by Biomark ialah penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan dan syarikat seinduk Innoquest yang memberikan akses kepada laporan saringan kesihatan dengan mudah melalui aplikasinya. ABO/APC yang mendaftar untuk Pas Saringan Kesihatan akan menerima keputusan mereka melalui Aplikasi Hive by Biomark.

2. Adakah saya perlu membuat janji temu sebelum menjalani saringan kesihatan saya di Innoquest Lab?

Tidak, anda tidak perlu membuat janji temu. ABO & APC boleh datang terus bila-bila masa ketika waktu operasi makmal/klinik. Makmal/klinik mempunyai papan tanda Innoquest atau pelekat Innoquest pada pintu hadapan cawangan. Pada sesetengah papan tanda, anda boleh melihat Clinipath atau Quantum – jangan bimbang kerana mereka juga berada di bawah pengurusan yang sama dengan Innoquest.

[Klik di sini](#) untuk melihat Senarai Cawangan Innoquest dengan nombor telefon dan waktu operasi.

Kebanyakan cawangan ditutup pada hari Ahad dan Cuti Umum. Sebelum datang ke makmal/klinik, kami nasihatkan anda untuk menyemak Senarai Cawangan bagi mendapatkan waktu operasi yang tepat.

Nota: Jika anda datang terus pada hari Sabtu, sila jangkakan waktu menunggu yang lebih lama.

3. Bagaimanakah saya harus mempersiapkan diri untuk saringan kesihatan? Perlukah saya membawa apa-apa bersama saya ke makmal/klinik?

Anda perlu berpuasa selama 10-12 jam sebelum saringan kesihatan untuk keputusan yang lebih tepat. Makanan dan minuman (beralkohol dan tidak beralkohol) tidak boleh diambil, walau bagaimanapun air kosong dibenarkan bagi mengelakkan penyahhidratan.

Untuk saringan kesihatan, sila bawa bersama Kad Pengenalan anda dan Pas Saringan Kesihatan (salinan bercetak atau salinan digital yang dimuat turun) daripada sistem MyHSP.

MENERIMA LAPORAN KESIHATAN ANDA / MENEMPAH RUNDINGAN DOKTOR SECARA MAYA

1. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan laporan saya selepas saringan kesihatan?

Nantikan e-mel daripada Hive by Biomark dalam masa 24-48 jam selepas saringan kesihatan. Pastikan anda mengimbas kod QR yang unik dan isi semua maklumat yang diperlukan semasa pendaftaran di cawangan Innoquest. Anda akan menerima e-mel pemberitahuan dan semak keputusan anda melalui aplikasi HIVE by BioMark. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keselamatan data dan garis panduan keselamatan, anda dikehendaki mengisi Kod Akses daripada e-mel dan Nombor Kad Pengenalan (NRIC) anda untuk melihat laporan anda.

Jika anda tidak menerima e-mel daripada Hive by Biomark dalam masa 48 jam, sila hubungi 1300-88-0234 atau e-mel vic@innoquest.com.my

2. Bagaimanakah saya boleh menempah Rundingan Doktor Secara Maya?

Pautan tele-rundingan akan dimasukkan dalam e-mel daripada Hive by Biomark (e-mel sama yang mengandungi maklumat laporan anda). Menggunakan pautan tersebut, anda boleh menempah janji temu untuk Rundingan Doktor Secara Maya dengan doktor tempatan Hive by Biomark bagi semakan laporan kesihatan anda secara dalam talian.

Apabila slot anda disahkan, anda akan menerima e-mel pengesahan dengan pautan jemputan. Untuk kemudahan anda, anda boleh memilih untuk melakukan tele-rundingan melalui panggilan video menggunakan Google Meet atau panggilan WhatsApp.

3. Bolehkah saya menerima salinan bercetak laporan saringan kesihatan saya?

Ya, anda boleh meminta salinan bercetak laporan anda daripada Innoquest. Walau bagaimanapun, ia hanya tersedia 48 jam selepas saringan kesihatan. Untuk mengambil laporan bercetak anda, hubungi cawangan Innoquest yang terdekat dengan anda untuk membuat permintaan anda. [Klik di sini](#) untuk melihat Senarai Cawangan Innoquest dengan nombor telefon dan waktu operasi.

4. Siapakah yang saya boleh hubungi untuk pertanyaan umum?

Anda boleh menghubungi pihak berikut:

Masalah	Butiran Hubungan
Untuk isu berkaitan HSP	Khidmat Pelanggan Amway 03-79462800 myhelpdesk@amway.com
Untuk Ujian & Laporan Saringan Kesihatan	Pusat Panggilan Innoquest 1300-88-0234; vic@innoquest.com.my
Untuk isu berkaitan Aplikasi Hive by Biomark atau Rundingan Doktor Secara Maya	Hive by Biomark doctors-my@biomarking.com